



09 MAR, 2023

KPKM masih kenal pasti, nilai kerosakan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

KPKM masih kenal pasti, nilai kerosakan

Port Dickson: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menilai dan mengenal pasti kerosakan serta jumlah kerugian sebenar dialami bagi sektor pertanian serta ternakan terutama di Johor yang terjejas akibat banjir ketika ini.

Timbalan Menteri, Chan Foong Hin, berkata ia bagi memastikan semua petani dan pen-

ternak yang terjejas akan menerima bantuan sewajarnya selepas proses penilaian dilakukan.

"Ketika ini, pihak kementerian melalui pelbagai agensi di lapangan sedang mendapatkan bantuan penuh (mangsa banjir) sebelum kita boleh tentukan berapa jumlah pampasan yang boleh diberikan kepada mangsa.

"Setakat ini belum ada jumlah

kerugian sebenar kerana banjir masih belum surut sepenuhnya, kita tak dapat berikan sebelum dapatkan maklumat terperinci," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian Dan Makanan (NAFEC) 2023.

Sementara itu, dalam program berkaitan, seramai 203 peserta menyertai konvensyen yang ber-

langsung dua mulai hari ini di sini.

"Penganjuran NAFEC 2023 ini juga membabitkan kerjasama 15 penganjur bersama yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan universiti awam.

"Fokus NAFEC 2023 ialah membincangkan teknologi terkini, keperluan dan masalah industri pertanian dan makanan,

berkongsi amalan baik pertanian dan makanan serta cadangan penambahan undang-undang terutamanya untuk bidang kejuruteraan pertanian dan makanan," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, Datuk Azah Hanim Ahmad dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.



09 MAR, 2023

KPKM masih kenal pasti, nilai kerosakan

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Port Dickson: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menilai dan mengenal pasti kerosakan serta jumlah kerugian sebenar dialami bagi sektor pertanian serta penternakan terutama di Johor yang terjejas akibat banjir ketika ini. Timbalan Menteri, Chan Foong Hin, berkata ia bagi memastikan semua petani dan penternak

yang terjejas akan menerima bantuan sewajarnya selepas proses penilaian dilakukan.